

Bab 8

MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

(Buku Teks m.s. 166 – 168)

- 1 Apakah rancangan penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 hingga tahun 1990?
- A Mencapai tahap negara maju
 - B Memajukan sektor pelancongan
 - C Mengukuhkan perpaduan negara
 - D Membangunkan kawasan bandar

(Buku Teks m.s. 166)

- 2 DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJPI). Berapakah rancangan pembangunan dijalankan oleh DEB?

- A Tiga
- B Empat
- C Lima
- D Enam

(Buku Teks m.s. 166)

- 3 Pernyataan berikut berkaitan dengan rancangan pembangunan ekonomi negara.

Pemulihan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.

Apakah rancangan pembangunan ekonomi tersebut?

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Kawalan Ekonomi
- D Dasar Pembangunan Nasional

(Buku Teks m.s. 166)

- 4 Apakah agensi kerajaan yang membentuk DEB?

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Perpaduan Negara
- C Majlis Perundingan Negara
- D Majlis Keselamatan Negara

(Buku Teks m.s. 166)

- 5 Jadual berikut menyenaraikan pakar ekonomi dari dalam dan luar negara.


Nama	Negara
Dr. Rais Saniman	Malaysia
Dr. Just Faaland	Norway
Dr. Jack R. Parkinson	Britain

Apakah sumbangan tokoh tersebut terhadap negara?

- A Membentuk ideologi negara
- B Merancang dasar pentadbiran
- C Merangka Dasar Ekonomi Baru
- D Menggubal perlembagaan negara

(Buku Teks m.s. 166)

- 6 Rajah berikut berkaitan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).



Apakah X?

- A Merapatkan jurang ekonomi
- B Memodenkan sektor pertanian
- C Mencapai kesejahteraan kaum
- D Memajukan perindustrian berat

(Buku Teks m.s. 167)

- 7 Pernyataan berikut berkaitan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Membasmi kemiskinan

Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan?

- I Menambah pendapatan rakyat
- II Menyediakan rumah kos murah
- III Meningkatkan pengeluaran negara
- IV Memperbanyakkan peluang pekerjaan


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 167)

- 8 DEB berusaha mengurangkan dan menghapuskan pengenalalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Bagaimanakah usaha tersebut tercapai?
- Memberi bantuan kewangan
 - Menyusun semula masyarakat
 - Menyediakan petempatan baharu
 - Mempelbagaikan komoditi negara

(Buku Teks m.s. 167)

- 9 Rajah berikut berkaitan dengan isu sosioekonomi yang dihadapi negara semasa DEB dilancarkan.



Apakah isu X dan Y tersebut?

- Negeri dengan negeri
 - Masyarakat desa dengan bandar
 - Negara serantau dengan antarabangsa
 - Negara dengan negara
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 167)

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru

(DEB)

(Buku Teks m.s. 168 – 173)

- 10 DEB bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Apakah pendekatan DEB untuk mencapai tujuan tersebut?
- Berkongsi kepakaran teknikal
 - Agihan ekonomi yang seimbang
 - Produktiviti negara dibangunkan
 - Kualiti perkhidmatan ditingkatkan

(Buku Teks m.s. 168)

- 11 Gerakan Koperasi dibangunkan di kawasan luar bandar.

Apakah tujuan Gerakan Koperasi tersebut?

- Mengawal harga barangan
- Memajukan tanah yang terbiar
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
- Mengusaha tanaman komersial

(Buku Teks m.s. 168)

- 12 DEB melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Apakah program tersebut?

- Penerokaan tanah baharu
 - Bantuan peralatan pertanian
 - Penawaran bekerja di bandar
 - Penubuhan pusat kemahiran
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 168)

- 13 Terdapat penduduk bandar yang turut menghadapi kemiskinan hidup. Mengapakah berlaku kemiskinan tersebut?

- Pembangunan yang pesat
- Kesukaran memperoleh pekerjaan
- Kemajuan sistem pengangkutan
- Pendapatan yang rendah

(Buku Teks m.s. 168)

- 14 Bagaimanakah kerajaan membasmi kemiskinan di kawasan bandar?

- Memajukan sektor perindustrian
- Memodenkan jalinan perhubungan
- Membangunkan perumahan mewah
- Mempelbagaikan kemudahan prasarana

(Buku Teks m.s. 168)

- 15 Pelbagai kemudahan asas disediakan kerajaan untuk membantu golongan miskin di bandar. Apakah kemudahan tersebut?

- Kemudahan kredit
- Subsidi benih dan baja
- Pusat kemajuan peladang
- Bantuan buku teks percuma

(Buku Teks m.s. 168)

- 16 Tun Abdul Razak (duduk dua dari kiri) membuat pengumuman pelancaran Rancangan Buku Hijau pada 20 Disember 1974.



Mengapakah rancangan tersebut dilancarkan?

- Mengkaji keberkesanan program DEB
- Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
- Meningkatkan pengeluaran bahan makanan
- Mengawal mutu perkhidmatan awam

(Buku Teks m.s. 169)

17 Bagaimanakah tindakan kerajaan untuk mencapai matlamat Rancangan Buku Hijau?

- I Memperkenalkan pertanian pintar
 - II Menyediakan kemudahan pinjaman
 - III Mempelbagaikan aktiviti pemasaran
 - IV Menanam tanaman jangka pendek
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 169)

18 Senarai berikut merujuk kepada agensi kerajaan yang ditubuhkan dalam DEB.

- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- X

Apakah X?

- A Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM)
- B Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- C Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- D Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

(Buku Teks m.s. 169)

19 Mengapakah kerajaan menubuhkan agensi kerajaan dalam pelaksanaan DEB?

- I Membuka peluang pekerjaan
 - II Meningkatkan produktiviti negara
 - III Mewujudkan persaingan ekonomi
 - IV Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 169)

20 Agensi kerajaan berikut telah ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kedua.




Lembaga Pertubuhan Peladang

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Mengawal selia sektor pertanian
- B Membantu dalam penyelidikan pertanian
- C Melibatkan petani dalam kegiatan koperasi
- D Menjalankan penyelidikan terhadap pertanian

(Buku Teks m.s. 169)

21 Rajah berikut merujuk kepada perubahan nama bagi sebuah agensi kerajaan.



Apakah X?

- A Beras Nasional (BERNAS)
- B Padi Nasional Berhad (PNB)
- C Lembaga Beras Negara (LBN)
- D Institut Penyelidikan Beras Negara (IPBN)

(Buku Teks m.s. 169)

22 Apakah bantuan yang diberi oleh agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah DEB?

- A Tapak berniaga C Pendidikan
- B Biji benih D Jentera berat

(Buku Teks m.s. 169)

23 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956. Mengapakah FELDA ditubuhkan?

- A Menyediakan kemudahan kewangan
- B Membantu mengatasi masalah pemasaran
- C Menggalakkan bumiputera menceburi perniagaan
- D Membuka tanah baru untuk pertanian

(Buku Teks m.s. 170)

24 Bagaimanakah FELDA membantu penduduk luar yang miskin?

- I Membuka sektor perniagaan dan perdagangan
- II Membangunkan kemudahan asas seperti klinik
- III Memberi tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan
- IV Mengesan pelaksanaan rancangan pembangunan

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 170)

25 FELDA telah mengadakan kerjasama dengan Yayasan Sabah di Sabah.

Apakah kesan daripada kerjasama tersebut?

- A Penubuhan pembangunan wilayah
- B Pembukaan Felda Umas di Tawau
- C Peningkatan eksport bahan makanan
- D Penghapusan ekonomi mengikut kaum

(Buku Teks m.s. 170)

26 Mengapakah Yayasan Sabah ditubuhkan pada tahun 1966?

- A Memajukan sektor perindustrian
- B Menyediakan peluang pendidikan
- C Menjalankan penyelidikan tanaman
- D Membangunkan kawasan luar bandar

(Buku Teks m.s. 170)

27 Agensi kerajaan berikut telah bekerjasama untuk membangunkan tanah di Sarawak.

- FELDA
- SALCRA

Apakah pembangunan tanah yang dilakukan?

- A Pembukaan ladang kelapa sawit
- B Penanaman getah secara komersial
- C Pengenalan perkebunan berkelompok
- D Pengusahaan tanaman jangka pendek

(Buku Teks m.s. 170)

28 Apakah persamaan antara kawasan FELDA berikut?

- Felda Lurah Bilut (Pahang)
- Felda Keratong (Pahang)
- Felda Senayan (Negeri Sembilan)

- A Menjadi pengeluar utama kelapa sawit negara
- B Mendapat pengiktirafan kawasan FELDA terbaik
- C Melibatkan pembangunan kawasan bandar baharu
- D Memberi peluang kepada peneroka bukan bumiputera

(Buku Teks m.s. 171)

29 Logo berikut berkaitan dengan agensi kerajaan yang dilaksanakan dalam DEB.



Apakah peranan agensi kerajaan tersebut?

- A Meluaskan pembangunan bandar baharu
- B Menubuhkan institusi kewangan tempatan
- C Memperkenalkan sektor perindustrian berat
- D Melaksanakan program pembangunan wilayah

(Buku Teks m.s. 171)

30 Urban Development Authority (UDA) berperanan dalam sektor pembangunan industri dan bandar baharu.

Apakah bandar baharu yang telah diusahakan oleh agensi tersebut?

- A Bandar Pasir Gudang (Johor)
- B Bandar Baru Parkland (Klang)
- C Bandar Tun Hussein Onn (Cheras)
- D Bandar Bukit Mertajam (Butterworth)

(Buku Teks m.s. 171)

31 Pernyataan berikut merujuk kepada keadaan di negara kita selepas kemerdekaan.

Kaum bumiputera ketinggalan pemilikan saham syarikat berbanding dengan kaum bukan bumiputera.

Apakah kesan keadaan tersebut terhadap negara?

- A Mewujudkan perbezaan dari segi taraf hidup
- B Membangkitkan persaingan sihat antara kaum
- C Menambah tenaga kerja dalam bidang pembuatan
- D Meningkatkan permintaan terhadap kursus kemahiran

(Buku Teks m.s. 172)

32 Maklumat berikut merujuk kepada usaha kerajaan dalam pembangunan sektor korporat.

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)

Bagaimanakah tindakan kerajaan untuk melahirkan MPPB?

- A Menambah pemilikan modal saham bumiputera
- B Meningkatkan pembukaan tanah untuk pertanian
- C Memperbaiki kegiatan pemasaran bahan mentah
- D Menggalakkan bumiputera menceburi perindustrian

(Buku Teks m.s. 172)

33 Apakah agensi yang membangunkan MPPB pada 17 Mac 1978?

- A Amanah Saham Nasional (ASN)
- B Unit Komunikasi Korporat (UKK)
- C Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- D Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)

(Buku Teks m.s. 172)

- 34 Logo berikut berkaitan dengan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).



Apakah kepentingan kedua-dua program tersebut?

- A Memberi dana kepada pengusaha kecil
- B Menggalakkan orang ramai membuat pelaburan
- C Menyediakan pinjaman modal kepada bumiputera
- D Mengimbangi pemilikan harta dan saham bumiputera

(Buku Teks m.s. 172)

- 35 Apakah ciri-ciri industri kecil dan sederhana (IKS)?

- A Modal yang kecil
- B Tenaga kerja yang ramai
- C Pengeluaran secara komersial
- D Bersifat sara diri

(Buku Teks m.s. 172)

- 36 Mengapakah kerajaan membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS)?

- A Mengatasi pencemaran alam
- B Menambah daya pengeluaran
- C Memodenkan sektor pertanian
- D Menyusun semula masyarakat

(Buku Teks m.s. 172)

- 37 Manakah merupakan pengeluaran IKS?

- A Perhotelan
- B Pendidikan
- C Kraf tangan
- D Komunikasi

(Buku Teks m.s. 172)

- 38 Apakah sumbangan agensi berikut terhadap IKS?

- Bank Bumiputera
- Amanah Ikhtiar Malaysia
- Perbadanan Nasional Berhad

- A Memberi latihan kemahiran
- B Memberi insentif dan nasihat
- C Membantu teknik pengurusan
- D Membantu pemasaran barangan

(Buku Teks m.s. 172)

- 39 Industri kecil dan sederhana (IKS) telah diperkenalkan melalui DEB.

Apakah kesan pengenalan IKS tersebut?

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Meningkatkan kerjasama swasta
- C Kemunculan ramai usahawan muda
- D Kemajuan sektor perusahaan moden

(Buku Teks m.s. 172)


- 40 Kerajaan telah mengambil langkah untuk melahirkan tenaga kerja mahir sejak di bangku sekolah.

Bagaimanakah langkah tersebut dilaksanakan?

- A Menubuhkan Sekolah Wawasan di luar bandar
- B Memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Hidup
- C Mewajibkan semua pelajar menguasai literasi linus
- D Menggalakkan pelajar menyertai aktiviti kokurikulum

(Buku Teks m.s. 173)

- 41 Rajah berikut berkaitan dengan institusi pendidikan di negara kita.



Mengapakah kerajaan menubuhkan institusi tersebut?

- A Meningkatkan sahsiah diri
- B Mengatasi masalah buta huruf
- C Melahirkan tenaga kerja mahir
- D Menjadi rakyat berpengetahuan

(Buku Teks m.s. 173)

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

(Buku Teks m.s. 174 – 175)

- 42 DPN merupakan kesinambungan DEB yang dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat.

Apakah hasrat kerajaan melalui DPN?

- A Menjadikan negara maju
- B Memulihkan prasarana negara
- C Menghalang pemusatan ekonomi
- D Mengimbangi pembangunan wilayah

(Buku Teks m.s. 174)

- 43 Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Bagaimanakah matlamat tersebut dicapai?
- A Mengawal mutu perkhidmatan kerajaan
 - B Pembangunan seimbang antara negeri
 - C Memantau pengurusan kewangan negara
 - D Memaksimumkan pendapatan pekebun kecil

(Buku Teks m.s. 174)

- 44 Tempoh pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah 10 tahun. Apakah Rancangan Pembangunan Lima Tahun di bawah DPN?

- I Rancangan Malaysia Keempat
- II Rancangan Malaysia Kelima
- III Rancangan Malaysia Keenam
- IV Rancangan Malaysia Ketujuh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 174)

- 45 DPN menetapkan langkah untuk Malaysia menjadi negara yang maju.

Apakah aspek negara maju tersebut?

- A Kestabilan politik
- B Bersikap demokratik
- C Berilmu pengetahuan
- D Kecemerlangan sosial

(Buku Teks m.s. 175)

- 46 Apakah strategi DPN untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan masyarakat?

- A Membuka tanah secara besar-besaran
- B Memperkasakan sekolah jenis kebangsaan
- C Memajukan kawasan pertanian di luar bandar
- D Melibatkan pihak swasta dalam pembangunan

(Buku Teks m.s. 175)

- 47 Kerajaan turut menitikberatkan pembangunan fizikal dan alam sekitar dalam DPN. Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Penciptaan baja organik
- B Pembukaan tanah terbiar
- C Penggunaan teknologi hijau
- D Penanaman secara tradisional

(Buku Teks m.s. 175)

8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

(Buku Teks m.s. 176 – 179)

- 48 Strategi DEB diteruskan dalam pelaksanaan DPN.

Apakah strategi tersebut?

- I Membasmi kemiskinan
- II Menyusun semula masyarakat
- III Meningkatkan pendapatan negara
- IV Membangunkan kawasan luar bandar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 176)

- 49 Matlamat DPN ialah menghapuskan kemiskinan tegar terhadap golongan penanam padi dan nelayan.

Apakah bantuan yang diberi kerajaan terhadap golongan tersebut?

- I Subsidi
- II Sokongan
- III Perniagaan
- IV Pemasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 176)

- 50 Kerajaan telah membuka agensi kerajaan berikut untuk memberi latihan kepada golongan belia.



Pemohonan GIATMARA Online
Sepenuh/Separa Masa



Apakah yang diperoleh golongan belia melalui agensi tersebut?

- A Membaiki tahap kualiti dan mutu pengeluaran
- B Meningkatkan tenaga kerja golongan bumiputera
- C Mempercepatkan pembangunan ekonomi negara
- D Mendapat pekerjaan berkaitan dengan kemahiran

(Buku Teks m.s. 176)

51 Apakah tujuan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)?

- A Menyusun semula masyarakat
- B Meningkatkan pendapatan rakyat
- C Membentuk masyarakat berdisiplin
- D Mewujudkan masyarakat perdagangan

(Buku Teks m.s. 177)

52 Maklumat berikut merujuk kepada usaha kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden.

Apakah pengurusan sektor moden tersebut?

- A Pendidikan
- B Pembuatan
- C Pelancongan
- D Perindustrian

(Buku Teks m.s. 177)

53 DPN menggalakkan golongan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden.

Bagaimanakah peluang tersebut tercapai?

- I Ditingkatkan pengetahuan kemahiran
- II Diberikan peluang bekerja di industri
- III Dibantu dari segi pasaran dan modal
- IV Didedahkan dengan teknologi moden

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 177)

54 Kerajaan melakukan penyusunan semula corak tenaga kerja di pelbagai sektor dan pekerjaan dalam pembangunan DPN.

Apakah kepentingan penyusunan tersebut?

- A Mengukuhkan komoditi utama negara
- B Membaiki produktiviti pengeluaran negara
- C Mencerminkan komposisi pelbagai kaum
- D Meningkatkan daya saing masyarakat

(Buku Teks m.s. 177)

55 Bagaimanakah penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

- A Melaksanakan program penswastaan
- B Menggalakkan pelaburan modal asing
- C Membuka tanah pertanian besar-besaran
- D Memodenkan sektor pertanian bersepadu

(Buku Teks m.s. 178)

56 Apakah agensi yang terlibat dalam projek penswastaan syarikat perniagaan bumiputera?

- I Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- II Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
- III Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)
- IV Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 178)

57 Gambar menunjukkan bangunan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor (PKNS).



Apakah peranan perbadanan tersebut?

- A Membaiki ketidakseimbangan negeri
- B Memodenkan sistem pengangkutan
- C Meningkatkan kualiti perkhidmatan
- D Menyusun semula modal saham

(Buku Teks m.s. 178)

58 Maklumat berikut menerangkan dasar pembangunan ekonomi negara kita.

- Meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barang.
- Mempercepatkan pembangunan ekonomi negara.

Apakah dasar pembangunan tersebut?

- A Dasar Hala Tuju Cara Baru
- B Dasar Penswastaan
- C Dasar Kependudukan
- D Dasar Pensyarikatan Malaysia

(Buku Teks m.s. 178)

59 Mengapakah kerajaan meneruskan rancangan pembangunan wilayah di bawah DPN?

- A Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- B Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan
- C Meningkatkan integrasi ekonomi antara negeri
- D Memacu pertumbuhan sektor perindustrian baharu

(Buku Teks m.s. 178)

60 Bagaimanakah kerajaan membaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam DPN?

- A Memperkenalkan konsep pertanian pintar
- B Meluluskan lesen kepada syarikat usahasama
- C Menyelaraskan program pembangunan bandar
- D Menggiatkan lagi penyertaan bumiputera

(Buku Teks m.s. 179)

61 Maklumat berikut merujuk kepada agensi kerajaan yang ditubuhkan melalui DPN.

Menjalankan penyelidikan dari segi sains, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan rancangan pembangunan wilayah.

Apakah agensi tersebut?

- A Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- B Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
- C Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- D Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp)

(Buku Teks m.s. 179)

62 Maklumat berikut merujuk kepada konsep dalam pembangunan ekonomi.

Penggunaan teknologi bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

Apakah konsep tersebut?

- A Pertanian pintar
- B Ekonomi komersial
- C Bioteknologi lestari
- D Perladangan moden

(Buku Teks m.s. 179)

63 Apakah teknologi pertanian pintar yang dilaksanakan untuk mempertingkatkan hasil pertanian?

- I Penggunaan dron
 - II Penggunaan empangan
 - III Penggunaan tenaga binatang
 - IV Penggunaan biji benih berkualiti
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 179)

64 Mengapakah kerajaan memperkenalkan konsep pertanian pintar melalui rancangan pembangunan wilayah?

- A Menstabilkan harga pasaran
- B Meningkatkan hasil pertanian
- C Menyekat kemasukan imigran
- D Memperluaskan produk pertanian

(Buku Teks m.s. 179)

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

(Buku Teks m.s. 180 – 187)

65 Apakah kesan pembangunan DEB dan DPN terhadap rakyat?

- A Melahirkan insan berilmu
- B Meningkatkan taraf hidup
- C Mengatasi sifat perkauman
- D Menyatukan negara bangsa

(Buku Teks m.s. 180)

66 Pelaksanaan DEB dan DPN membawa perubahan kepada kemajuan sosial.

Apakah kemajuan sosial tersebut?

- I Kualiti hidup meningkat
 - II Perkembangan bandar baharu
 - III Budaya cemerlang diamalkan
 - IV Kemunculan golongan cendekiawan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 180)

67 Bagaimanakah DEB dan DPN berjaya menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia?

- A Menyekat kemasukan imigran
- B Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- C Menyediakan kemudahan pinjaman
- D Mengurangkan hak milik asing

(Buku Teks m.s. 180)

68 Apakah kepentingan kerajaan melaksanakan penambahbaikan kemudahan awam terhadap rakyat?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Menambah pelaburan asing
- C Memberi kebebasan mutlak
- D Merapatkan jurang ekonomi

(Buku Teks m.s. 180)

- 69 Perkembangan bidang pertanian dan perindustrian telah meningkatkan keperluan tenaga kerja.
Apakah kesan peningkatan tersebut terhadap rakyat?

A Memperkasakan sekolah kebangsaan
B Meluaskan barangan pasaran tempatan
C Mengurangkan masalah pengangguran
D Membina masyarakat berdaya saing

(Buku Teks m.s. 180)

- 70 Jadual berikut menunjukkan pencapaian negara mengatasi kadar kemiskinan.

Tahun	Kadar Penurunan Kemiskinan
1970	49.3 %
1990	17.1 %
2000	7.2 %

Apakah faktor penurunan kadar kemiskinan tersebut?

A Keadaan negara yang aman dan harmoni
B Keberkesanan pelaksanaan DEB dan DPN
C Keselamatan negara berjaya dipertingkatkan
D Kelahiran masyarakat yang bermaklumat

(Buku Teks m.s. 180)

- 71 Kualiti hidup rakyat Malaysia semakin baik selepas tahun 1990.

Apakah bukti peningkatan kualiti hidup tersebut?

A Penyekatan pengaruh luar
B Peningkatan tahap kesihatan
C Pengurangan sekatan dagangan
D Pemilikan barangan keperluan asas

(Buku Teks m.s. 180)

- 72 DEB dan DPN berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar dengan kewujudan masyarakat baharu.

Apakah masyarakat baharu tersebut?

I Pemodal
II Peladang
III Penternak
IV Pengurusan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 181)

- 73 Apakah kelas golongan berikut yang muncul melalui pelaksanaan DEB dan DPN?

- Pemodal
- Pentadbir
- Profesional

A Golongan cendekiawan
B Golongan kelas menengah
C Golongan kelas pertengahan
D Golongan bumiputera komersial

(Buku Teks m.s. 181)

- 74 Gambar berikut menunjukkan tokoh bumiputera negara kita.



Apakah sumbangan tokoh korporat tersebut terhadap rakyat?

A Mengukuhkan perpaduan antara kaum
B Membentuk kelas bumiputera komersial
C Memberi tawaran pekerjaan dalam syarikat
D Menjadi penaung kepada program kebajikan

(Buku Teks m.s. 182)

- 75 Apakah kesan kemunculan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) kepada negara?

A Menyekat penggunaan tenaga buruh luar
B Menggalakkan penerokaan sektor baharu
C Membentuk pelbagai pengkhususan kerja
D Meningkatkan taraf hidup golongan miskin

(Buku Teks m.s. 182)

- 76 Mengapakah kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan pendidikan selepas tahun 1990?

A Meningkatkan status sosial dalam masyarakat
B Melahirkan tenaga mahir yang berpendidikan
C Menjadi pelapis dalam perkhidmatan awam
D Membentuk masyarakat berakhlak mulia

(Buku Teks m.s. 182)

- 77 Pelbagai universiti awam dan swasta menawarkan khusus sains, teknologi dan teknikal sejak abad ke-21.

Mengapakah tawaran khusus tersebut diutamakan?

- A Peningkatan jumlah penduduk
- B Pengukuhan perpaduan kaum
- C Persaingan dengan negara maju
- D Perkembangan bidang perindustrian

(Buku Teks m.s. 182)

- 78 Gambar berikut menunjukkan pemodenan pengangkutan awam kesan daripada pembangunan ekonomi negara kita.



Apakah kebaikan pemodenan pengangkutan awam kepada negara?

- A Membekal barang keperluan
- B Merencanakan aktiviti ekonomi
- C Mengatasi masalah kelewatan
- D Mengimbangi komposisi kaum

(Buku Teks m.s. 183)

- 79 Apakah kesan daripada kemajuan sistem pengangkutan antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah?

- A Memudahkan proses integrasi
- B Melancarkan sistem pentadbiran
- C Membantu kawalan keselamatan
- D Mengukuhkan hubungan ummah

(Buku Teks m.s. 183)

- 80 Bandar baharu berikut berkembang daripada sebuah tanah rancangan FELDA.

Felda Segitiga Jengka

Apakah nama baharu bagi bandar tersebut?

- A Bandar Kemasek
- B Bandar Tenggara Dua
- C Bandar Ketengah Jaya
- D Bandar Tun Abdul Razak

(Buku Teks m.s. 184)

- 81 Nama Segitiga Jengka mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara tiga daerah.

Antara berikut, yang manakah merupakan daerah tersebut?

- I Maran
- II Temeloh
- III Kuantan
- IV Raub
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 184)

- 82 Apakah sumbangan Segitiga Jengka terhadap pembangunan ekonomi negeri?

- A Penubuhan kawasan perindustrian
- B Perintis kepada bidang bioteknologi
- C Perkembangan sektor perlancongan
- D Pusat pertembungan antara wilayah

(Buku Teks m.s. 184)

- 83 Gambar berikut menunjukkan kemudahan yang terdapat di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang.



Apakah faktor pembukaan bandar tersebut?

- A Penyusunan semua modal saham
- B Perkembangan wilayah melalui DPN
- C Pembinaan sistem pengangkutan moden
- D Pembentukan kelas bumiputera komersial

(Buku Teks m.s. 184)


- 84 DEB dan DPN telah meningkatkan kestabilan ekonomi negara.

Bagaimanakah peningkatan tersebut berlaku?

- A Kemasukan tenaga kerja luar
- B Perkembangan sektor perindustrian
- C Penubuhan pelbagai agensi kerajaan
- D Kerjasama masyarakat pelbagai kaum

(Buku Teks m.s. 185)

- 85 Rajah berikut merujuk kepada perkembangan bidang perindustrian melalui pelaksanaan DEB dan DPN.



Apakah X?

- A Zon Hidrometeorologi
- B Industri kereta nasional
- C Zon Industri Akuakultur
- D Industri kecil dan sederhana

(Buku Teks m.s. 185)

- 86 Malaysia mula mengalami perkembangan industri berat mulai tahun 1980-an. Mengapakah kerajaan menitikberatkan perkembangan industri tersebut?

- I Sokongan terhadap integrasi nasional
 - II Meningkatkan penglibatan golongan muda
 - III Menggalakkan perkembangan teknologi
 - IV Sebagai asas perindustrian negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 185)

- 87 Apakah ciri-ciri bidang perindustrian berteknologi tinggi yang telah diperkenalkan di Malaysia?

- I Kemahiran yang tinggi
 - II Penggunaan jentera moden
 - III Kepakaran dibawa dari luar
 - IV Dikawal oleh sektor korporat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 185)

- 88 Apakah agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk menguruskan projek industri berat negara kita?

- A MIDA
- B RISDA
- C HICOM
- D PETRONAS

(Buku Teks m.s. 185)

- 89 Yang manakah projek perindustrian berteknologi tinggi?

- A Kilang ais
- B Bengkel kereta
- C Membaiki kapal
- D Bidang perhotelan

(Buku Teks m.s. 185)

- 90 Kawasan berikut terlibat dalam perindustrian berteknologi tinggi.

- Perai, Pulau Pinang
- Teluk Kalung, Terengganu

Apakah projek yang diusahakan di kawasan tersebut?

- A Besi dan keluli
- B Membaiki kapal
- C Stesen janakuasa
- D Satelit komunikasi

(Buku Teks m.s. 185)

- 91 Gambar berikut menunjukkan kilang penapis petroleum di Malaysia.



Di manakah lokasi kilang penapis petroleum tersebut?

- A Miri, Sarawak
- B Raub, Pahang
- C Pasir Gudang, Johor
- D Port Dickson, Negeri Sembilan

(Buku Teks m.s. 185)

- 92 Pelaksanaan DEB dan DPN telah mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian. Apakah bentuk perindustrian tersebut?

- I Estet Perindustrian
 - II Zon Perindustrian Berat
 - III Kawasan Perindustrian Moden
 - IV Taman Teknologi Perindustrian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 186)

- 93 Apakah rasional pembentukan kawasan perindustrian di negara kita?
- Berhampiran dengan pusat pelabuhan
 - Dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur
 - Berdekatian dengan sumber bahan mentah
 - Ditempatkan di kawasan yang strategik

(Buku Teks m.s. 186)

- 94 Pembukaan kawasan perindustrian baharu memberi sumbangan besar terhadap negara. Apakah sumbangan tersebut?

- Menarik kemasukan pelaburan luar
- Memantapkan pentadbiran negara
- Meningkatkan daya saing negara
- Menggalakkan hubungan diplomatik

(Buku Teks m.s. 186)

- 95 Apakah pihak yang terlibat dalam membangunkan Estet Perindustrian?

- Perbadanan Pembangunan Bandar
 - Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
 - Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah
 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 186)

- 96 Bagaimanakah elemen pembangunan Estet Perindustrian?

- Sebagai kawasan kawalan
- Sebagai bandar terancang
- Sebagai pusat pentadbiran
- Sebagai perdagangan bebas

(Buku Teks m.s. 186)

- 97 Mengapakah kawasan perindustrian baharu berikut ditubuhkan?

Taman Teknologi Perindustrian

- Kajian terhadap dasar perindustrian negara
- Pusat penyelidikan dan pembangunan industri
- Pusat penyelarasan pembangunan perindustrian
- Kaedah pengesanan pencapaian industri negara

(Buku Teks m.s. 186)

- 98 Apakah ciri Zon Perindustrian Bebas?

- Pusat penyelidikan dan pembangunan industri
- Berasal daripada kawasan pembangunan wilayah
- Kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai
- Bandar terancang yang mengandungi kemudahan asas

(Buku Teks m.s. 186)

- 99 Gambar berikut merujuk kepada setem pos berkaitan kenderaan buatan Malaysia.



Apakah industri kereta tempatan tersebut?

- Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON)
 - Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS)
 - Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd (NAM)
 - Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA)
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 187)

- 100 Senarai berikut berkaitan dengan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia.

- PROTON
 - PERODUA
 - MODENAS

Apakah kesan pertumbuhan industri tersebut terhadap negara?

- Melahirkan golongan korporat
- Memajukan bandar terancang
- Meningkatkan pendapatan rakyat
- Menguatkan pertahanan negara

(Buku Teks m.s. 187)